

Iran mahu bina loji di Malaysia

BH-12/6/2007.

Keadaan aman, negara Asia jamin keluaran sumber, seragam harga minyak dan gas



Oleh Zainab Mohd Yatim dan Shahrizan Salian

IRAN, antara pengeluar dan pengeksport minyak mentah dan gas asli utama dunia merancang membina sebuah loji penapisan minyak di Malaysia.

Menteri Petroleumnya, Seyed Kazem Vaziri, berkata loji berkenaan adalah antara lima yang dirancang dibina Iran di Asia.

Beliau berkata, empat lagi masing-masing akan dibina di Indonesia, China, Singapura dan Syria dengan semuanya kini pada peringkat perbincangan.

"Loji berkenaan akan memproses minyak mentah dari Iran tetapi kapasiti pengeluaran dan kos pembinaannya masih dibincangkan," katanya ketika ditemui media selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Senario Politik dan Ekonomi' pada Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia 2007 ke-12 di Kuala Lumpur, semalam. Persidangan itu

dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pembentangan itu turut disertai Pengarah Eksekutif Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (Mier), Prof Emeritus Datuk Dr Mohamed Ariff Abdul Kareem; Setiausaha Kehormat Sekretariat Asean, Ong Keng Yong; dan Pengarah Pusat Timur-Barat, Raymond F Burghardt.

Ketika pembentangan itu, Vaziri berkata, Iran rancang meningkatkan pengeluaran minyak mentah kepada 7.1 juta tong sehari menjelang 2014.

"Iran juga akan meningkatkan pengeluaran gas asli kepada 1.51 juta meter padu sehari menjelang 2014 dengan majoritinya adalah dari lapangan gas di Pars Selatan," katanya.

Beliau berkata, bagi mencapai sasaran itu, Iran memerlukan pelaburan asing AS\$93.7 bilion dan pelaburan domestik AS\$43.7 bilion.

"Jumlah itu sangat besar dan Iran mengharapkan penyertaan global terutama dari negara pengeluar utama bagi memastikan penawaran sumber tenaga yang stabil," katanya.

Vaziri berkata, polisi negara Asia dan Kesatuan Eropah (EU) mempelbagaikan sumber import gas asli membuka ruang kepada negara Iran



SALIM SHAARI | BERITA HARIAN

KHUSYUK: Antara tetamu yang hadir mendengar ucap tama daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada perasmian Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia 2007 ke-12 di Kuala Lumpur, semalam.

mengembangkan pasaran gas asli cecair (LNG) keluarannya ke kedua-dua benua itu.

Beliau menyarankan supaya negara Asia yang membentuk pengeluar utama minyak dan gas dunia menyelaraskan pasaran sumber tenaga berkenaan bagi meningkatkan

kerjasama pengeluaran.

"Keadaan aman, kestabilan politik dan kebebasan perdagangan minyak dan gas adalah syarat utama menjamin keselamatan pengeluaran sumber tenaga global," katanya.

Ketika ini, Iran mempunyai syarikat minyak ketiga terbesar dunia

iaitu National Iranian Oil Company.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif National Iranian Oil Company, Dr H Ghanimi Fard, ketika ditemui pemberita berkata, pihaknya sedang berunding dengan syarikat dari Malaysia untuk membekalkan minyak mentah ke Utara Semenanjung.